

JKM sedia lindungi anak tak sah taraf

Unit khas beri perkhidmatan bergerak bantu selesai masalah ibu terlanjur

B.H m/s 11 7.5.07

Laporan Khas

Oleh Azrul Affandi Sobry

MASIH ada yang sayang. Sesungguhnya, masyarakat perlu sedar bahawa masih ada ruang disediakan pelbagai pihak untuk memberi perlindungan kepada golongan tertindas terutama bayi terbuang. Dalam menunjukkan keprihatinan itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan begitu banyak ruang untuk memberi peluang kehidupan sempurna kepada mereka yang tidak mendapat pembelaan kasih sayang itu daripada orang sepatutnya.

Di sebalik itu semua, masih ada golongan yang tidak bertanggungjawab mengambil tindakan amat kejam. Setiap tahun, jumlah bayi dibuang menunjukkan masih ramai memilih jalan pintas menyelesaikan kekusutan fikiran. Malah, boleh dikatakan jumlah bayi dibuang pada setiap tahun tidak kecil dan ini sekali gus menggambaran betapa pincangnya nilai murni tersemat pada peribadi manusia melakukannya.

Berdasarkan perangkaan JKJ, pada 2004 hingga 2006 mencatatkan 145 bayi iaitu 56 bayi lelaki dan 89 bayi perempuan diserahkan kepada JKJ dalam keadaan yang masih hidup dan sihat. Tetapi jumlah itu berbeza dengan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang mencatatkan 176 kes bayi terbuang dalam tempoh sama, kerana jumlah bayi dicatatkan polis termasuk bayi dijumpai mati.

Lebih memeranjatkan apabila sepanjang tempoh itu, 62 bayi dijumpai dan direkodkan PDRM tidak diketahui jantannya kerana dijumpai dalam keadaan terkoyak dan

selamat seperti yang dipraktikkan di New Zealand di mana agensi terbabit menyediakan semua kemudahan bermula daripada ketika mengandung, melahirkan anak sehingga selepas bersalin.

"Namun, yang lebih penting semua maklumat dirahsiakan serta diuruskan secara profesional." katanya.

Bagi JKJ, mekanisme yang hampir serupa sudah wujud kerana ia juga mempunyai unit khas ditugaskan memberi perkhidmatan bergerak yang boleh membantu menyelesaikan masalah ibu melahirkan anak tidak sah taraf termasuk memberikan bantuan kewangan jika diperlukan.

Untuk itu, semua butiran berkenaan ibu terbabit akan dirahsiakan daripada semua pihak. Ini termasuk merahsiakan maklumat ibu terbabit daripada pengetahuan polis dan jabatan agama untuk mengelak sebarang hukuman dikenakan terhadap mereka. Kesimpulannya, ibu tidak perlu risau dan boleh menyerahkan anak mereka dengan selesa kepada JKJ.

Jika ibu terbabit dapat mengenalpasti pasangan yang dirasakan sesuai untuk menjaga anaknya, JKJ boleh membantu ibu itu menyediakan surat pelepasan bagi memudahkan urusan pemberian anak terbabit kepada pasangan berkenaan. Malah, bantuan yang akan dihulurkan JKJ termasuk memberikan khidmat kaunseling kepada ibu terbabit jika diperlukan dan sekali lagi, semua maklumat dirahsiakan.

Masalahnya, walaupun semua kemudahan dan perkhidmatan ini disediakan oleh JKJ, perasaan takut yang menyelubungi ibu terbabit akan menutup semua ruang yang ada dan sering kali pilihan untuk membuang bayi tetap diambil oleh mereka.

Inilah yang mereka perlu sedar, janganlah kesalahan melakukan seks luar nikah ditambah pula dengan dosa menganiayai anak yang tidak berakhlak. Selu-selunya



MENYAYAT HATI: Mayat bayi dijumpai sudah reput, hancur dan pelbagai keadaan menunjukkan masih ada golongan yang bertindak kejam tanpa belas kasihan.

rana dijumpai dalam keadaan teruk dan sukar dikenal pasti. Ada dijumpai sudah reput, hancur dan pelbagai keadaan menunjukkan pembuangan bayi dilakukan dengan begitu kejam.

Menurut sumber JKM, ada bayi yang dibuang ke dalam sungai, tong sampah dan beberapa tempat yang tidak dapat diterima akal sama sekali.

Namun, hakikat sebenar perlu diketahui semua pihak bayi dijumpai terbuang itu akan diserahkan kepada JKM dan diberi perlindungan terbaik sebelum diserahkan kepada keluarga angkat untuk dipelihara.

Masalahnya, tidak ramai yang tahu mengenai perkara ini dan kerana takut dengan pelbagai sebab lain, tindakan membuang bayi diambil seterusnya memberikan kesan buruk kepada bayi yang masih kecil.

Sumber JKM memberitahu, sebenarnya banyak cara lebih baik boleh diambil ibu yang melahirkan anak tidak sah taraf (gelaran untuk bayi yang lahir luar nikah) untuk menyelamatkan nyawa bayi dan memberikannya peluang dilayan seperti bayi lain.

Antaranya, ibu terbabit boleh menyerahkan bayi itu kepada rumah kebajikan berhampiran dan jika malu berjumpa mereka, boleh menghubungi talian teledera untuk meminta pihak terbabit mengambil bayi itu di tempat diaturkan dan dipersetujui kedua-dua pihak.

Bagaimanapun, pakar motivasi yang juga Presiden Persatuan Wanita Islam Antarabangsa (IMWU), Dr Rubiah Kulop Hamzah, menyarankan supaya diwujudkan 'rumah

anak yang tidak bersalah. Sekarang-kurangnya, menyerahkan anak kepada JKM menunjukkan masih ada simpati keinsanan dalam diri mereka.

Selain itu, apa yang mereka perlu sedar ialah ramai pasangan yang sudah berkahwin dan tiada anak, berminat untuk memelihara anak buangan ini sebagai anak peliharaan (tempoh dua tahun sebelum diberi taraf anak angkat).

Jumlah permohonan diterima JKM sejak 2004 hingga kini lebih dua kali ganda daripada jumlah bayi ditawarkan. Jadi, lebih baik sekiranya bayi itu mendapat kenikmatan hidup bersama keluarga yang ingin memberikan mereka kasih sayang daripada dibiarkan terbuang dan bertarung untuk hidup di celah timbunan sampah.

Setakat ini JKM menyediakan sembilan rumah kanak-kanak untuk memberikan perlindungan kepada bayi yang kurang bernasib baik ini. Malah, ada lima Taman Seri Puteri yang berfungsi memberikan perlindungan kepada gadis bawah umur yang mengandung dan mereka akan dijaga sehingga melahirkan anak. Selepas itu, terpujang kepada mereka sama ada untuk menjaga anak itu atau menyerahkan kepada JKM untuk mencari keluarga berminat dan layak.

Penelitian dijalankan JKM sebelum memilih keluarga sesuai untuk memelihara anak terbuang ini memang ketat bagi memastikan hanya keluarga layak dan berkemampuan saja diberi kelayakan supaya tidak berlaku penganiayaan lain pula.

FAKTA

Kes Buang Bayi

| Tahun | Lelaki | Perempuan | Jantina tidak diketahui | Jumlah |
|---------------|-----------|-----------|-------------------------|------------|
| 2004 | 18 | 22 | 21 | 61 |
| 2005 | 15 | 14 | 24 | 53 |
| 2006 | 30 | 15 | 17 | 62 |
| Jumlah | 63 | 51 | 62 | 176 |

Nota: Data ini berdasarkan kes penemuan bayi oleh polis termasuk yang sudah mati
Sumber: Polis Diraja Malaysia

Bayi terbuang yang memerlukan perlindungan

| Tahun | Lelaki | Perempuan | Jumlah |
|---------------|-----------|-----------|------------|
| 2004 | 16 | 10 | 26 |
| 2005 | 22 | 46 | 68 |
| 2006 | 18 | 33 | 51 |
| Jumlah | 56 | 89 | 145 |

Nota: Data ini berdasarkan jumlah bayi yang diserahkan kepada JKM oleh PDRM dan keluarga serta masih hidup
Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat



Bayi yang diserahkan kepada keluarga angkat akan diberi taraf anak peliharaan selama dua tahun dan dipantau JKM sebelum diiktiraf sebagai anak angkat apabila JKM dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) berpuas hati dengan keluarga terbabit.

Begitupun, permohonan mengambil anak peliharaan sentiasa meningkat setiap tahun. Malangnya, ada kes permohonan yang layak, tetapi pasangan itu tidak mahu mengambil anak ditawarkan kerana faktor umur. Ini jelas menunjukkan ruang kasih sayang disediakan JKM kepada bayi ter-

buang begitu besar.

Justeru, tidak ada sebab mengapa ibu yang terlanjur dan melahirkan anak luar nikah perlu takut, malu dan mengambil tindakan bodoh membuang bayi kerana jika dinilai, begitu banyak peluang dan ruang untuk mereka menyelamatkan bayi itu daripada teraniaya. Daripada rumah kebajikan JKM, Taman Seri Puteri, Unit Bergerak dan pelbagai lagi kaedah yang ada, ibu terbabit boleh memilih jalan yang lebih beretika untuk memberi kehidupan kepada bayi yang dilahirkan.